

07 SEP 1997

Anwar-Surat (Gulung)

HENTIKAN FITNAH TERHADAP SAYA, RAYU ANWAR

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta mereka yang terbabit menyebarkan surat layang memfitnahkannya supaya menghentikan perbuatan itu kerana banyak lagi agenda yang patut dipertingkatkan demi kebaikan parti, bangsa dan negara.

"Sudah, kita ada agenda banyak. Ekonomi kita kena ditangani dengan baik. Kewangan negara mesti kita kukuhkan. Politik mesti kita kuatkan. Ini yang patut kita perkuatkan. Sudah!" rayu Anwar, yang juga Timbalan Perdana Menteri, ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno petang ini.

Nasihat Anwar kepada mereka: "Jangan lagi ... turunkan darjat kita. Kita dijadikan Allah darjat yang baik. Jangan kita hina diri kita sehina-hina makhluk dan kejadian. Jangan.

"Tapi jangan pula dah buat, pura-pura tanya pula," katanya sambil menyindir mereka yang terbabit.

Kepada mereka yang berniat serong terhadapnya, Anwar menyampaikan serangkap pantun:

"Dari Bintang ke Tanjung Kandih,
Ramai pengembara bermain pakau,
Lagi berhadapan mulutnya manis,
Dalam sembunyi menanam ranjau."

Menurut Anwar sebagai manusia biasa, beliau memang sedih dengan surat-surat layang yang memfitnahkannya walaupun sudah biasa menerimanya.

"Surat layang ini bukan perkara baru. Bertubi-tubi, macam-macam judul ada. Tapi kali ini nampak lebih sangat sebab itu saya buat laporan polis pada 15 Ogos," katanya.

Katanya beliau berterima kasih kepada anggota keluarga, rakan-rakan dan mereka yang bersimpati dengan berdoa dan mengadakan sembahyang hajat.

"Terima kasih khusus kepada Presiden (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) yang meminta saya bersabar, dan Azizah (isterinya, Datin Seri Wan Azizah Ismail) yang menyatakan kepada saya 'You tahu kan politik ni macam tu kan'," kata Anwar.

Katanya Dr Mahathir memberitahunya bahawa beliau (Mahathir) sendiri banyak kali kena fitnah termasuk mempunyai isteri berbangsa Cina di Singapura.

Bagi melahirkan kekecewaannya, Anwar sekali lagi berpantun:

Akar nibung meresap,
Akar mati dalam perahu,
Terbakar kampung kelihatan asap,
Terbakar hati siapa tahu

Anwar membandingkan mereka yang buat fitnah dan surat layang terhadapnya itu sama seperti kisah burung botak yang pandai bercakap yang enggan lagi bercakap setelah kepalanya diketuk tuannya kerana menumpahkan minyak wangi.

"Satu hari tok guru datang. Kepala dia juga botak. Jadi burung ini bersemangat balik. Burung berkata: " Kita rupanya senasib. Tuan berapa kali kena ketuk kepala?"

Anwar berkata mereka yang melemparkan fitnah terhadapnya sebenarnya melakukan perkara yang mereka dakwa beliau lakukan. "Mereka begitu, jadi mereka ingat saya pun begitu."

Dewan menjadi gemuruh apabila Anwar memberitahu Dr Mahathir supaya bersabar apabila beliau (Mahathir) memberitahunya (Anwar) bahawa beliau terpaksa menghadapi pelbagai masalah negara termasuk penurunan nilai ringgit dan serangan ekonomi oleh penyangak seperti George Soros.

Menurut Anwar sudah nasibnya malang kerana sering dihubungi Dr Mahathir sewaktu Perdana Menteri bercuti di luar negara selama dua bulan baru-baru ini.

Katanya, Dr Mahathir selalu menghubunginya untuk mengetahui apa sahaja yang berlaku di Malaysia menerusi panggilan telefon atau persidangan video.

"Saya rasa lemas juga kerana arahan datang bertubi-tubi dari Dr Mahathir walaupun dia bercuti. Saya tanya beliau: 'Siapa yang hantar surat khabar pada you ni?'"

Kata Anwar, pada satu sesi persidangan video, beliau ternampak seorang wanita melintasi di belakang Dr Mahathir. "Mujurlah Dr Siti Hasmah, kalau tidak saya buat surat layang baru pula."

Sambil merujuk kepada mereka yang terbabit dalam kegiatan memfitnahnya itu, Anwar berkata mereka yang tidak pandai menggunakan otak, alamatnya ajal sudah hendak sampai. -- BERNAMA

ZAB AHH